



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
(MESTECC)**

*MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT & CLIMATE CHANGE*

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
PROGRAM MALAYSIA *SOCIAL INNOVATION* (MySI)**

**TAHUN 2020**

---

Urus Setia MySI  
Bahagian Pengkomersialan  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)  
Aras 2, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62662 PUTRAJAYA

---

**KANDUNGAN**

---

**HALAMAN**

---

<b>1.0</b>	<b>OBJEKTIF PROGRAM MySI</b>	<b>3</b>
<b>2.0</b>	<b>KELAYAKAN</b>	<b>3</b>
<b>3.0</b>	<b>KUMPULAN SASAR (PENERIMA FAEDAH)</b>	<b>4</b>
<b>4.0</b>	<b>KUANTUM PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK</b>	<b>4</b>
<b>5.0</b>	<b>SKOP PEMBIAYAAN</b>	<b>4</b>
<b>6.0</b>	<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	<b>5</b>
<b>7.0</b>	<b>KRITERIA PENILAIAN</b>	<b>5</b>
<b>8.0</b>	<b>PEMBAYARAN</b>	<b>6</b>
<b>9.0</b>	<b>PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN</b>	<b>6</b>
<b>10.0</b>	<b>LAPORAN PROJEK</b>	<b>7</b>
<b>11.0</b>	<b>PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN</b>	<b>8</b>

## 1.0 OBJEKTIF PROGRAM MySI

Meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat keutamaan kepada golongan B40 melalui pelaksanaan projek **aplikasi teknologi R&D tempatan berinovatif** yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara **mampan**.

## 2.0 KELAYAKAN

Syarat-syarat kelayakan **Program MySI** ialah:

- i. **PEMOHON** (peneraju projek) hendaklah terdiri daripada Agensi / Syarikat Berkaitan Kerajaan iaitu:
  - a. Agensi Kerajaan;
  - b. Badan Berkanun;
  - c. Universiti Awam;
  - d. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
  - e. Syarikat Berhad dengan Jaminan (CLG).
  
- ii. Dana ini **TIDAK** ditawarkan kepada Bahagian/Jabatan di Kementerian, syarikat swasta, pertubuhan/ persatuan yang berdaftar dengan Kerajaan (koperasi, NGO), sekolah, pusat khidmat masyarakat dan individu.
  
- iii. Pemohon **BOLEH** melaksanakan projek secara sendiri atau bekerjasama (*collaborate*) dengan mana-mana entiti yang bersesuaian seperti berikut:
  - a. Jabatan/ Agensi Kerajaan berkaitan (persekutuan/ negeri/ daerah);
  - b. Pertubuhan/ Persatuan yang berdaftar dengan Kerajaan (contoh: Koperasi, NGO);
  - c. Syarikat Berkaitan Kerajaan (contoh: GLC, CLG) atau syarikat swasta.
  
- iv. **HANYA Projek Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sahaja yang dibenarkan**. Projek tersebut perlu mempunyai elemen inovatif yang menjurus kepada **aplikasi teknologi sedia ada**.
  
- v. Projek yang dijalankan perlu sesuai dengan sumber sedia ada selain mengambil kira **kesesuaian lokasi, infrastruktur**, bentuk muka bumi dan lain-lain.
  
- vi. Penerima langsung (*direct recipients*) faedah hendaklah terdiri daripada komuniti dengan **KEUTAMAAN** kepada golongan B40<sup>1</sup> (miskin bandar dan

luar bandar). Jumlah penerima faedah bagi setiap projek yang dimohon hendaklah **sekurangnyanya 100 orang**.

vii. Projek **MESTI** dilaksanakan di Malaysia.

### **3.0 KUMPULAN SASAR (PENERIMA FAEDAH)**

Penerima langsung (*direct recipients*) faedah hendaklah terdiri daripada komuniti dengan **KEUTAMAAN** kepada golongan B40<sup>1</sup> (miskin bandar dan luar bandar). Jumlah penerima faedah bagi setiap projek yang dimohon hendaklah **sekurangnyanya 100 orang**.

### **4.0 KUANTUM PEMBIAYAAN DAN TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK**

4.1 Kuantum maksimum (per projek) adalah sebanyak **RM300,000.00**.

4.2 Tempoh maksimum pelaksanaan projek selama **12 bulan** sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian antara MESTECC dan Pemohon.

### **5.0 SKOP PEMBIAYAAN**

#### **5.1 Pembiayaan merangkumi perkara-perkara yang berikut:**

- (i) Yuran pengurusan (kos perjalanan, kos penginapan, logistik) 10% daripada jumlah diluluskan;
- (ii) *Consumables*/ bahan-bahan;
- (iii) Peralatan;
- (iv) Aplikasi demonstrasi (termasuk sampel, yuran dan dokumentasi penyertaan dalam pameran);
- (v) Dokumentasi projek (seperti rakaman video perjalanan program, gambar beresolusi tinggi dan sebagainya) [Maksimum RM2,000.00]; dan
- (vi) Perbelanjaan perkhidmatan (perundingan dan pengujian);

---

1. Merujuk kepada isi rumah berpendapatan purata bulanan di bawah RM3,000.00 - Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia, 9 Oktober 2017

## 6.0 BIDANG KEUTAMAAN

Bidang keutamaan bagi Program MySI 2020 seperti yang berikut:

### (i) Ekonomi

- a. Menumpukan kepada sektor pertanian, perikanan dan penternakan sahaja yang melibatkan petani, nelayan kecil dan penternak.

### (ii) Teknologi Hijau

- a. Teknologi yang menggunakan sumber tenaga alam semula jadi. (Sebagai contoh, pemasangan solar panel di pusat tumpuan masyarakat yang dapat mengurangkan kos bil elektrik disamping menjana pendapatan dari segi penjualan sumber tenaga tersebut.)

### (iii) Mesra Alam

- a. Menggunakan sumber/teknologi yang dapat mengurangkan pencemaran dan kemusnahan terhadap alam sekitar. (Sebagai contoh, sumber/teknologi yang dapat mengurangkan penggunaan plastik dan sisa pepejal.)

### (iv) Kesihatan

- a. Teknologi yang dapat meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan penerima faedah. (Sebagai contoh, teknologi bekalan air bersih dan terawat kepada masyarakat setempat yang tidak memperolehi bekalan daripada syarikat bekalan air.)

### (v) Keselamatan

- a. Teknologi yang dapat meningkatkan taraf keselamatan dan keamanan penerima faedah. (Sebagai contoh, pembangunan sistem amaran ribut dan banjir di kawasan-kawasan yang kerap dilanda bencana.)

## 7.0 KRITERIA PENILAIAN

7.1 Kriteria yang dinilai bagi projek MySI 2020 ialah:

### (i) Teknologi Sedia Ada

- a. Teknologi yang dicadangkan **BUKAN** *prototype* dan **BUKAN** peringkat R&D; dan
- b. Teknologi **MESTI** terdiri daripada teknologi tempatan atau teknologi telah tersedia di pasaran dan tidak melibatkan perolehan luar negeri.

**(ii) Peruntukan**

- a. Kos peruntukan yang **minimum** tetapi tidak menjejaskan kualiti projek.

**(iii) Dinikmati Ramai**

- a. Setiap projek hendaklah **sekurang-nya 100 orang penerima faedah**.

**(iv) Boleh Dilaksanakan Dalam Masa Yang Singkat (*Fast Execution*)**

- a. Projek yang dicadangkan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh maksimum **12 bulan**.

**(v) Berimpak Tinggi**

- a. Projek yang dicadangkan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek:
- **Meningkatkan produktiviti; atau/dan**
  - **Meningkatkan pendapatan komuniti terlibat; atau/dan**
  - **Mewujudkan peluang pekerjaan baharu.**

**(vi) Mampan**

- a. Projek yang dicadangkan boleh berkembang serta mempunyai pelan perniagaan (*Business Plan*) atau pelan *Exit* yang jelas untuk menampung kelestarian projek (2 tahun setelah projek siap).

**(vii) Penyelesaian Masalah**

- a. Projek yang dicadangkan boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Teknologi yang dicadangkan hendaklah disokong oleh kajian atau pernah memenangi anugerah atau merupakan hasil Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK).

**(viii) Perancangan Projek**

- a. Projek yang dicadangkan telah dibuat sesi *engagement* bersama masyarakat dan kolaborator, disokong oleh *baseline study* dan mempunyai komponen kos yang jelas.

**(ix) Kos Selenggara**

- a. Projek yang dicadangkan hendaklah mempunyai kos selenggara yang rendah, alat ganti yang mudah diperolehi, mudah untuk diselenggara oleh masyarakat dan mempunyai waranti.

(x) **Kelestarian Alam Sekitar**

- a. Projek yang dicadangkan boleh mengurangkan kebergantungan kepada sumber alam tidak boleh diperbaharui, boleh dioperasi tanpa bekalan konvensional, mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan mengurangkan penggunaan jentera berat.

## 8.0 PEMBAYARAN

**Sebanyak 80% peruntukan** disalurkan selepas perjanjian dimeterai dan baki **20% peruntukan** disalurkan selepas Laporan Kemajuan Projek dikemukakan kepada MESTECC. Pemohon bertanggungjawab untuk memastikan supaya peruntukan pengurusan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.

## 9.0 PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN

- (i) Setiap permohonan lengkap yang diterima akan diproses dan dinilai oleh Panel yang dilantik oleh MESTECC. Projek yang mendapat perakuan panel akan dibentangkan ke Jawatankuasa Strategik MySI untuk disyorkan kepada Jawatankuasa Kelulusan Dana (Khas) bagi kelulusan.
- (ii) Setiap projek yang berjaya **MESTI** mematuhi terma dan syarat yang telah digariskan dalam Perjanjian.
- (iii) Setiap projek akan dipantau menerusi mekanisme pemantauan yang ditetapkan oleh MESTECC, iaitu menerusi bengkel pemantauan dan lawatan pemantauan tapak serta laporan yang dikemukakan.

## 10.0 LAPORAN PROJEK

### Laporan Projek Dan Baki Peruntukan Yang Tidak Dibelanjakan

- (i) Pemohon **MESTI** menghantar:
  - a. **Laporan Kemajuan Projek** dalam tempoh **90 hari** selepas tarikh mula projek berkenaan.
  - b. **Laporan Akhir Projek** dalam tempoh **30 hari** selepas tarikh tamat projek.
- (ii) **Laporan Kajian Impak (Outcome)** dalam tempoh **enam (6) bulan** selepas Laporan Akhir Projek dikemukakan kepada MESTECC.

- (iii) Segala baki peruntukan yang tidak dibelanjakan hendaklah dipulangkan kepada MESTECC dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas tarikh Surat Penyempurnaan Projek.

## 11.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN

11.1 Pemohon perlu mengenal pasti perkara berikut **sebelum memohon**:

- (i) Komuniti yang bersesuaian dengan produk yang ingin dipertimbangkan untuk Projek MySI;
- (ii) Mengetahui pasti kolaborator projek (sekiranya ada), menghubungi wakil komuniti dan memperincikan maklumat permohonan; dan
- (iii) Kolaborator (sekiranya ada) yang dipilih hendaklah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi membiayai pelaksanaan projek seterusnya.

11.2 Sebarang perbelanjaan yang melebihi peruntukan dana hendaklah ditanggung sendiri oleh Pemohon.

11.3 Permohonan hendaklah memohon melalui laman web MESTECC menggunakan sistem e-MySI seperti berikut:

**<https://emysi.mestecc.gov.my>**

11.4 Bagi setiap permohonan yang lengkap, dokumen *hardcopy* berikut hendaklah diserahkan kepada MESTECC iaitu:

- (i) Dua (2) salinan berwarna Borang Permohonan Dana Malaysia *Social Innovation* (MySI) – dicetak melalui sistem e-MySI;
- (ii) Salinan sijil Pendaftaran Pertubuhan/ Persatuan/ Syarikat bagi Kolaborator dan Penerima Manfaat [Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)/ Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)];
- (iii) Perjanjian/ Surat Setuju diantara Pemohon Projek, Kolaborator dan Penerima Manfaat dan (persetujuan Kolaborator dan Penerima Manfaat untuk terlibat dalam pelaksanaan projek);
- (iv) Perjanjian/ Surat Setuju Pemohon Projek/ Penerima Manfaat bersama pemilik tanah (kebenaran menggunakan tanah bagi pelaksanaan projek); dan
- (v) Salinan Penyata Bank Pemohon.



Kesemua dokumen berikut hendaklah diserahkan kepada:

Urus Setia Program MySI  
Bahagian Pengkomersialan  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
(MESTECC) Aras 2, Blok C4, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62662 PUTRAJAYA  
Tel : 03 - 8885 8223 / 8589/ 8587 / 8884/ 8256  
Faks : 03 – 8889 2996  
Emel : [urusetiamysi@mestecc.gov.my](mailto:urusetiamysi@mestecc.gov.my)

**11.5 Tarikh tutup permohonan ialah pada 20 Mac 2020.**